

ELEMEN *QABḌ* (PINDAHAN MILIKAN) DALAM HIBAH: ANALISIS TERHADAP KEPERLUAN DAN PELAKSANAANNYA MENGIKUT PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG ISLAM

Nasrul Hisyam Nor Muhamad*

ABSTRACT

This article generally tries to analyze the position of the qabḍ (transfer of possession) in the hibah (gift inter vivos) principle according to Islamic Law perspective. The article will be focussing on the opinion of the Muslim scholars in the various schools about the qabḍ as well as the reported cases in Malaysia. The writer in his article also highlights the purposes of the Sharia (maqāṣid al-sharī'ah) from the qabḍ's requirement in hibah. From the discussion of its condition of validity, it can be concluded that the qabḍ which is empasized by the majorities scholars is flexible in its application.

Keywords: *Islamic law, hibah (gift inter vivos), qabḍ (transfer of possession), Shariah courts*

PENDAHULUAN

Hibah adalah termasuk dalam perbuatan yang digalakkan untuk kita melakukannya. Ia dikategorikan di dalam perbuatan *al-birr wa al-taqwā*.¹

* Lecturer, Faculty of Islamic Civilization, University of Technology Malaysia (UTM), 81310 Skudai, nasrul_syam@yahoo.com.my.

¹ Surah al-Mā'idah, 5: 2

Rasulullah s.a.w. sendiri dalam banyak hadith sangat menggalakkan orang Islam melakukan hibah. Antaranya hadith daripada Abū Hurayrah r.a. yang bermaksud:

*“Saling berhadiahlah kamu, nescaya kamu akan saling sayang-menyayangi.”*²

Hadith ini menunjukkan bahawa Rasulullah s.a.w. menggalakkan kita supaya bertukar-tukar hadiah kerana amalan sedemikian boleh menguatkan ikatan persaudaraan dan kasih sayang antara manusia. Dalam hadith lain, diriwayatkan daripada Abū Hurayrah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud:

*“Wahai kaum Muslimat! Janganlah kamu menganggap remeh pemberian seseorang jiran, walaupun hanya berupa kaki kambing.”*³

Sebagaimana hukum memberi hibah, menerima hibah juga adalah sunat selagi mana barang yang diberi itu bukan sesuatu yang haram atau dimaklumi status halalannya.⁴ Hal ini kerana Rasulullah s.a.w. sendiri menerima hibah

² Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā‘īl bin Ibrāhīm (t.t.), *al-Adab al-Mufrad*, Bāb Qabūl al-Hadiyyah, j. 4. Jamāmīzah: Maktabat al-Adab wa Maṭba‘atuhā, h. 174. Lihat juga al-Bayhaqī, Abī Bakr Aḥmad bin al-Ḥusayn bin ‘Alī (t.t.), *al-Sunan al-Kubrā*, Kitāb al-Hibah, Bāb al-Taḥrīd ‘alā al-Hibah wa al-Hadiyyah Ṣilāḥ Bayn al-Nās, j. 6. Beirut: Dār al-Fikr, h. 169. Menurut ulama hadith, sanad hadith ini adalah *ḥasan*. Lihat al-Bānī, Muḥammad Nāṣir al-Dīn (1979), *Irwā’ al-Ghalīl fī Takhrīj Ahādīth Manār al-Sabīl*, Bāb al-Hibah, j. 6. Beirut: al-Maktab al-Islāmī, h. 44; al-‘Asqalānī, Aḥmad bin ‘Alī bin Muḥammad bin Ḥajar (1979), *Talkhīs al-Ḥabīr*, Kitāb al-Hibah, j. 3. Kaherah: Maktabat al-Kuliyyah al-Azhariyyah, h. 80; al-Zayli‘ī, Abī Muḥammad ‘Abd Allāh bin Yūsuf (t.t.), *Naṣb al-Rāyah li Ahādīth al-Hidāyah*, Kitāb al-Hibah, j. 4. Dār al-Ḥadīth, h. 120.

³ Hadith Riwayat Al-Bukhārī lihat al-‘Asqalānī, Aḥmad bin ‘Alī bin Muḥammad bin Ḥajar (t.t.), *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, j. 5. Kaherah: Dār al-Taqwā, Kitāb al-Hibah, hadis no. 2566, h. 238; Muslim, lihat al-Nawawī, Abī Zakariyyā Maḥy al-Dīn (2003), *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawawī*, j. 4. Kaherah: Dār al-Manār, Kitāb al-Zakah, hadis no. 1030/90, h. 97; al-Bayhaqī (t.t.), *op. cit.*, h. 169; al-Ṣan‘ānī, Muḥammad bin Ismā‘īl (2005), *Subul al-Salām Sharḥ Bulūgh al-Marām min Jam‘ Adillat al-Aḥkām*, j. 3. Kaherah: Maktabat al-Ṣafā, Bāb al-Hibah wa al-‘Umrā wa al-Ruqba, hadis no. 964, hh. 107-108.

⁴ ‘Alī Ḥaydar (t.t.), *Durar al-Ḥukkām Sharḥ Majallat al-Aḥkām*, j. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 348; Ibn ‘Ābidīn, Muḥammad Amīn (1966), *Ḥāshiyah Radd al-Mukhtār*, j.5. Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, h. 687.

yang diberikan kepada baginda walaupun daripada orang yang bukan Islam. Baginda juga memerintahkan supaya orang Islam berbuat demikian.⁵

Hibah seperti yang dinyatakan di atas adalah umum sifatnya tanpa membezakan statusnya dari segi syarak, sama ada ianya berupa hadiah, sedekah dan hibah. Oleh kerana itu, fuqaha mazhab Shāfi'ī mengkategorikan hibah kepada dua. Kategori pertama, hibah daripada perspektif umum⁶ yang merangkumi hadiah, sedekah dan *ibrā'* (pelepasan hutang oleh pemiutang kepada penghutang). Manakala kategori yang kedua ialah hibah daripada perspektif khusus. Hibah dalam kategori kedua ini bermaksud pemberian milikan oleh seseorang kepada yang lain tanpa balasan yang tertakluk kepada rukun-rukun tertentu.⁷

Secara mudahnya, perkara yang menjadi rujukan utama untuk mengenali perbezaan antara dua kategori ini ialah elemen akad yang terdapat dalam hibah kategori kedua, manakala dalam kategori pertama, akad bukanlah elemen yang terdapat di dalamnya. Untuk penjelasan lanjut mengenai perbezaan antara hibah (yang dimaksudkan secara khusus ini), hadiah dan sedekah, penghakiman kes *Harun bin Muda dan lain-lain v Mandak binti Mamat*⁸ adalah satu panduan yang baik. Dalam kes ini, plaintif-plaintif memohon Mahkamah supaya mengesahkan hibah yang dibuat oleh Muda bin Tahir (si mati) dan juga memohon mengesahkan takat hibah tersebut. Dato' Haji Ismail bin Yahya, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu dalam penghakiman kes ini menyebut mengenai perbezaan antara hibah, hadiah dan sedekah. Perbezaan tersebut menurut beliau boleh dirumuskan sepertimana berikut:

⁵ Lihat al-Shawkānī, Muḥammad bin Ismā'īl bin Muḥammad (1999), *Nayl al-Awṭār*, j. 5. al-Manṣūrah: Maktabat al-Īmān, hh. 420-421.

⁶ Hibah daripada perspektif umum bermaksud semua jenis pemberian secara sukarela yang berkuatkuasa semasa hidup.

⁷ Lihat misalnya al-Nawawī, Abī Zakariyyā Maḥy al-Dīn (1985), *Rawḍat al-Ṭālibīn*, j. 5. Beirut: al-Maktab al-Islāmī, h. 364; Nawawī, Abī Zakariyyā Maḥy al-Dīn al- (t.t.), *al-Majmū' Sharḥ al-Muḥadhdhab*, j. 15. Beirut: Dār al-Fikr, h. 370; al-Khaṭīb, Muḥammad al-Sharbīnī (t.t.), *Mughnī al-Muḥtāj*, j. 4. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, h. 62; al-Qalyūbī, Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Aḥmad bin Salamah dan 'Umayrah, Shihāb al-Dīn Aḥmad al-Barlisī (t.t.), *Ḥāshiyātān Qalyūbī wa 'Umayrah*, j. 3. T.P: Dār al-Fikr, h. 110; al-Ramlī, Muḥammad bin Abī al-'Abbās (1967), *Nihāyat al-Muḥtāj Ilā Sharḥ al-Minhāj*, j. 5. Kaherah: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādūh, h. 405.

⁸ [1999] 1 JH 63.

- a. Pemberian kepada seseorang yang berhajat tanpa lafaz *ījāb* dan *qabūl*, ianya adalah sedekah.
- b. Pemberian kepada seseorang yang berhajat yang disertai lafaz *ījāb* dan *qabūl*, maka ianya adalah sedekah dan hibah.
- c. Pemberian kepada seseorang kerana memuliakan orang itu tanpa lafaz *ījāb* dan *qabūl*, ianya adalah hadiah.
- d. Pemberian kepada seseorang kerana memuliakan orang itu dengan adanya lafaz *ījāb* dan *qabūl*, ianya merupakan hadiah dan hibah.
- e. Pemberian bukan kerana untuk mendapat pahala dan bukan pula kerana memuliakan orang yang diberi itu dengan disertai lafaz *ījāb* dan *qabūl*, maka pemberian tersebut hanya hibah semata-mata.

Mahkamah dalam kes ini berpendapat bahawa pemberian Muda bin Tahir (si mati) kepada plaintif-plaintif tersebut bukannya atas dasar beliau memuliakan penerima-penerima berkenaan. Ini adalah kerana penerima-penerima ini terdiri daripada sebahagian daripada anak-anaknya dan isteri keduanya. Oleh yang demikian, pemberian ini tidak termasuk dalam pengertian hadiah. Mahkamah juga berpendapat bahawa pemberian tersebut bukanlah dilakukan atas dasar penerima-penerima itu berhajat kepada pemberian itu. Hal ini adalah kerana anak-anak dan isteri tetap berhak ke atas harta si mati melalui pusaka. Oleh kerana itu, pemberian berkenaan bukannya sedekah. Oleh kerana pemberian itu disertakan dengan *ījāb* dan *qabūl*, maka Mahkamah memutuskan bahawa ia merupakan suatu hibah.

Oleh kerana hibah merupakan satu akad (kontrak), maka pembentukannya ada tertakluk kepada rukun-rukun yang telah ditentukan iaitu *ṣiġhah* (*ījāb* dan *qabūl*), penghibah (*wāhib/donor*), penerima hibah (*mawhūb lahu/donee*) dan harta hibah (*mawhūb*).⁹ Di samping rukun-rukun hibah tersebut, satu perkara yang juga dianggap penting dalam menjadikan sesuatu hibah itu berkuatkuasa dan mengikat (*lāzim/binding*) ialah *qabḍ* (elemen pindahan milikan).¹⁰

⁹ Dari perspektif fuqaha mazhab Ḥanafī, *ṣiġhah* adalah satu-satunya rukun hibah. Sungguhpun demikian, ini tidaklah menafikan rukun-rukun hibah yang lain di sisi fuqaha *jumhūr* kerana rukun-rukun tersebut juga adalah elemen yang mendasari pembentukan hibah.

¹⁰ Keperluan kepada rukun-rukun hibah dan juga elemen *qabḍ* boleh dilihat dalam penghakiman kes, misalnya *Awang bin Abdul Rahman v Shamsuddin bin Awang & Satu Lagi* [1998] 6 MLJ 231; *Tengku Hj Jaafar Tengku Muda & Seorang Lagi v Kerajaan Pahang* [1987] 2 MLJ 74.

KONSEP *QABD* DALAM HIBAH

Qabd (قبض) adalah kata terbitan daripada perkataan Bahasa Arab *qabada* – *yaqbiḍu* yang bermaksud dengan mengambil, menggenggam, memegang, menguasai dan yang seumpamanya.¹¹ Dalam konteks perbincangan ini, *qabd* bolehlah ditakrifkan sebagai tindakan penerima hibah untuk menerima serahan, memegang, menguasai barang yang diberi oleh penghibah dan menjadikan barang itu sebagai harta milikannya. *Qabd* merupakan salah satu daripada syarat-syarat yang perlu ada pada *mawhūb* atau boleh juga dikatakan sebagai syarat kepada penerima hibah.¹²

Perbincangan mengenai *qabd* adalah penting dalam hibah. Hal ini adalah kerana polisi sesuatu mazhab ataupun pandangan *fiqh* mengenai kedudukan *qabd* akan mempengaruhi kedudukan hukum dalam hal-hal lain dalam perbincangan hibah itu sendiri. Kenyataan ini dapat dilihat apabila kita membincangkan mengenai pembatalan hibah. Dalam hal ini, bagi fuqaha yang berpendapat bahawa *qabd* adalah syarat *lāzim* dalam hibah, maka hibah hanya

¹¹ Ibn Manẓūr, Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukarram (2003), *Lisān al-‘Arab*, j. 7. Kaherah: Dār al-Ḥādīth, h. 223; Fayyūmī, Aḥmad bin Muḥammad al- (t.t.), *al-Miṣbāḥ al-Munīr*. Kaherah: Dār al-Ma‘ārif, h. 488. Lihat ayat-ayat al-Quran yang boleh menerangkan maksud *qabd*, misalnya Surah al-Baqarah, 2: 283:

“Dan jika kamu berada dalam musafir (lalu kamu berhutang atau memberi hutang yang bertempoh), sedang kamu tidak mendapati jurutulis, maka hendaklah diadakan barang gadaian untuk **dipegang** (oleh orang yang memberi hutang)...”

Lihat juga Surah al-Tawbah, 9: 67:

“Orang-orang munafik lelaki dan perempuan, setengahnya adalah sama dengan setengahnya yang lain; mereka masing-masing menyuruh dengan perbuatan yang jahat, dan melarang dari perbuatan yang baik, dan mereka pula **menggenggam tangannya** (bakhil kedekut)”...

Dan Surah Ṭāha, 20: 96:

“... lalu Aku **mengambil** segenggam dari kesan jejak Rasul itu, kemudian Aku mencampakkannya; dan demikianlah Aku dihasut oleh hawa nafsuku.”

¹² Ini adalah kerana *mawhūb* (merupakan *maqḅūḍ* atau barang yang dipegang) dan *mawhūb lah* (merupakan *qābiḍ* atau orang yang memegang) saling bersangkutan antara satu sama lain apabila dikaitkan dengan *qabd*. Lihat al-Kāsānī, Abī Bakr bin Mas‘ūd (2003), *Badāi‘ al-Ṣanāi‘ fī Tartīb al-Sharāi‘*, j. 8. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, hh. 104-105.

boleh dibatalkan sebelum *qabḍ*. Sebaliknya, bagi fuqaha yang berpendapat *qabḍ* bukan syarat *lāzim* bagi hibah, hak untuk membatalkan hibah telah luput setelah sempurna akad (iaitu selepas *qabūl*), tanpa memerlukan *qabḍ*.¹³

Dalam konteks amalan hibah di syarikat-syarikat yang menyediakan perkhidmatan atau produk hibah, kedudukan *qabḍ* adalah penting untuk diperhatikan bagi menentukan kedudukan sesuatu produk hibah dari segi syarak. Hal ini (berdasarkan pemerhatian penulis) adalah kerana elemen *qabḍ* ini diimplimentasikan dengan kaedah yang berbeza-beza di kalangan syarikat-syarikat tersebut. Selain itu, berbanding dengan rukun hibah yang lainnya, terutamanya *ījāb* dan *qabūl* yang mudah untuk difahami dan dilaksanakan oleh pihak penghibah dan penerima hibah,¹⁴ elemen *qabḍ* perlu difahami bukan sahaja berasaskan kaedah pelaksanaannya, bahkan juga kepada situasi yang melatari hibah tersebut. Perkara ini akan diditilkan dalam perbincangan selanjutnya.

KEPERLUAN *QABḌ* DALAM HIBAH

Keperluan *qabḍ* dalam hibah bermaksud bagi menjadikan sesuatu hibah boleh berkuatkuasa, *mawhūb* mestilah dipegang, diterima atau dikuasai oleh penerima untuk membolehkan penerima *bettaṣarruf* dengan barang yang *diqabḍ* itu atau sekurang-kurangnya penerima hibah berkeupayaan untuk menguasai dan berurusan dengan *mawhūb* (*al-tamakkun min al-taṣarruf fī al-maqbūḍ*).¹⁵ Secara umumnya, terdapat dua pendapat ulama mengenai kedudukan *qabḍ* dalam hibah. Pendapat yang pertama terdiri daripada *jumhūr* fuqaha mengatakan bahwa *qabḍ* adalah satu keperluan bagi hibah, manakala yang kedua mengatakan sebaliknya.

¹³ Lihat al-Nawawī (1985), *op.cit.*, h. 379; Ibn Rushd, Muḥammad bin Aḥmad (2003), *Bidāyat al-Mujtahid wa Nihāyat al-Muqtaṣid*, j. 5. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 323; Ibn Ḥazm, Abū Muḥammad ‘Alī (2001), *al-Muḥallā bi al-Āthār*, j. 8. Beirut: Dār al-Fikr, h. 71.

¹⁴ Dalam amalan semasa, umumnya *ījāb* dan *qabūl* dilaksanakan secara bertulis dan ditandatangani oleh kedua-dua pihak (penghibah dan penerima hibah) dan disaksikan oleh dua orang saksi. Keadaan ini berbeza dengan hibah yang dipraktikkan pada masa lampau, di mana rukun *ījāb* dan *qabūl* hanya dilaksanakan menerusi lisan sahaja. Ini menjadikan hibah agak sukar malah kadangkala tidak berjaya dibuktikan (apabila dibicarakan) di mahkamah. Lihat Mohd. Ridzuan Awang (2003), “Pelaksanaan Harta Hibah”, dalam *Isu Syariah dan Undang-undang*, Siri 12. Bangi: Jabatan Syariah UKM, h. 103.

¹⁵ Al-Kāsānī (2003), *op. cit.*, h. 108.

a. *Qabḍ* Merupakan Salah Satu Keperluan dalam Hibah

Jumhūr fuqaha, antaranya al-Nakha‘ī, al-Thawrī, Abū Ḥanīfah, al-Shāfi‘ī dan fuqaha Ḥanbalī berpendapat bahawa *qabḍ* adalah syarat untuk menguatkuasakan akad hibah (*sharṭ luzūm*). Menurut pandangan ini, hibah dengan semata-mata *ijāb* dan *qabūl* daripada penghibah dan penerima hibah belum lagi boleh dikuatkuasakan. Dengan demikian, *mawhūb* tetap kekal dimiliki oleh penghibah dan dia bebas untuk berusniaga dengan barang itu selagi *qabḍ* oleh penerima belum dilakukan termasuk untuk menarik balik pemberiannya.¹⁶ Menurut ‘Alī Ḥaydar, *qabḍ* tidak disyaratkan untuk mengesahkan hibah, akan tetapi disyaratkan *qabḍ* untuk mengesahkan pemilikan *mawhūb*.¹⁷ Kepentingan *qabḍ* ini dapat dilihat apabila mazhab Ḥanafī meletakkannya setaraf dengan *qabūl* dalam jual beli.¹⁸ Oleh kerana itulah, fuqaha Ḥanafī tidak mensyaratkan *qabūl* dalam hibah, sebaliknya hanya mensyaratkan *qabḍ* sebagai ganti *qabūl*.

Ibn Qudāmah, seorang fuqaha mazhab Ḥanbalī pula berpendapat bahawa *qabḍ* hanya menjadi syarat *luzūm* hibah bagi *mawhūb* yang bersifat boleh disukat dan ditimbang sahaja. Ibn Qudāmah menegaskan bahawa pandangannya itu sebenarnya merupakan pandangan *ijmā‘* para sahabat.¹⁹ Manakala bagi *mawhūb* yang tidak boleh disukat dan ditimbang, terdapat dua pandangan. Pertama, hukumnya sama sahaja dengan *mawhūb* yang bersifat boleh disukat, berdasarkan keumuman *athār* sahabat yang tidak membezakan dua kategori *mawhūb* itu. Kedua, hibah dan pemilikan *mawhūb* yang tidak boleh disukat dan ditimbang itu adalah berkuatkuasa dengan semata-mata akad walaupun *qabḍ* belum dilakukan.²⁰ Pandangan ini bersandarkan kepada satu riwayat bahawa ‘Alī dan Ibn Mas‘ūd r.a berkata, “Sesuai hibah adalah harus apabila diketahui sama ada di*qabḍ* atau tidak (*al-hibah jā’izah idhā kānat ma’lūmah qabaḍta aw lam taqbiḍ*)”.²¹

Berdasarkan kepada pandangan *jumhūr* ini, *mawhūb* hanya dimiliki secara sah oleh penerima hibah selepas *qabḍ*. Kesan daripada pandangan ini

¹⁶ Lihat al-Nawawī (t.t.), *op.cit.*, hh. 370-377; al-Kāsānī (2003), *op.cit.*, h. 105; al-Khaṭīb, Muḥammad al-Sharbīnī (t.t.) *op.cit.*, h. 67; Bahūtī, Maṣṣūr bin Yūnus al- (1982), *Kashshāf al-Qinā‘ ‘an Matan al-Iqnā‘*, j. 4. Beirut: Dār al-Fikr, h. 301.

¹⁷ ‘Alī Ḥaydar (t.t.), *op.cit.*, h. 350.

¹⁸ Perkara 841, Majallat al-Aḥkām al-‘Adliyyah.

¹⁹ Ibn Qudāmah, Muwāffaq al-Dīn ‘Abd Allāh bin Aḥmad (t.t.), *al-Mughnī*, j. 6. Dār al-Fikr, h. 274.

²⁰ *Ibid.*, hh. 280-281.

²¹ Dipetik dari *ibid.*, h. 281.

ialah penghibah berhak untuk membatalkan hibahnya sebelum penerima melakukan *qabḍ*. Asas kepada pandangan *jumhūr*, antaranya, satu riwayat yang menyatakan bahawa Abū Bakr r.a. telah menghibahkan sebahagian daripada hartanya kepada ‘Ā’ishah r.a. Walau bagaimanapun, mengikut riwayat tersebut Abū Bakr ketika sedang nazaknya memberitahu ‘Ā’ishah bahawa harta itu perlu diagihkan kepada waris-warisnya yang lain mengikut hukum *farā’id*. Hal ini kerana Abū Bakr mendapati bahawa ‘Ā’ishah tidak pernah menerima dan menguasai harta tersebut (*qabḍ*).²² Selain itu, pensyaran *qabḍ* untuk pemilikan *mawhūb* juga disandarkan kepada satu riwayat mengenai satu pemberian Rasulullah s.a.w. kepada Najāshī. Najāshī dikatakan tidak sempat untuk menerima (*qabḍ*) pemberian tersebut sebelum beliau mati dan oleh kerana itu, *mawhūb* tersebut kemudiannya diberikan pula kepada Umm Salamah.²³

Pandangan ini juga dikatakan menjadi *ijmā’* berdasarkan kepada fatwa-fatwa sahabat yang tidak pernah dipertikaikan seperti ‘Umar, ‘Uthmān, Ibn ‘Umar, Ibn ‘Abbās, ‘Ā’ishah, Mu‘ādh dan Anas.²⁴ Perlunya *qabḍ* dalam hibah juga berdasarkan qiyas kepada *qarḍ* yang mana tidak berlaku pemilikan melainkan dengan *qabḍ*.²⁵

Didapati pandangan ini telah diterima pakai dalam kebanyakan undang-undang di negara-negara Islam. Undang-undang Sivill Mesir dalam Perkara 487 memperuntukkan bahawa “Tidak sempurna hibah melainkan setelah diterima oleh penerima hibah atau wakilnya”. Undang-undang Sivill Syiria telah mengadaptasi peruntukan Mesir itu dalam Perkara 455. Peruntukan yang hampir sama juga diperuntukkan dalam Perkara 525, Undang-undang Sivill Kuwait dan Perkara 615, Undang-undang Sivill UAE.

b. Hibah Tidak Memerlukan *Qabḍ*

Pandangan yang menyatakan bahawa *qabḍ* bukanlah syarat bagi hibah adalah terdiri daripada Mālik, Abū Thawr, Mazhab Zāhirī dan al-Shāfi‘ī dalam *qawl qadīm* beliau. Imam Aḥmad bin Ḥanbal dalam satu riwayat yang masyhur pula

²² Lihat al-Shawkānī (1999), *op.cit.*, Kitāb al-Hibah wa al-Hadiyyah, hadis no. 2472, h. 424.

²³ *Ibid*, hadis no. 2470, h. 421.

²⁴ Al-Bayhaqī (t.t.), *op.cit.*, h. 170.

²⁵ Al-Khaṭīb, Muḥammad al-Sharbīnī (t.t.), *op.cit.*, h. 67.

menyatakan *qabd* tidak disyaratkan bagi *mawhūb* yang tidak boleh disukat dan ditimbang.²⁶

Berdasarkan pandangan ini, *qabd* bukanlah syarat kepada hibah. Ini bermakna, hibah dianggap sah dan berkuatkuasa dengan hanya kedua-dua pihak penghibah dan penerima bersetuju untuk melaksanakan pemberian tersebut melalui akad. Dengan kata lain, hibah menjadi sah sebaik sahaja *qabūl* dilafazkan. Berbeza dengan golongan *jumhūr* yang berpendapat bahawa *qabd* merupakan syarat sah, bagi Imam Mālik *qabd* hanya merupakan syarat bagi menyempurnakan hibah tersebut (*shart al-tamām*). Oleh yang demikian, *qabd* berdasarkan pandangan ini adalah hak pihak penerima hibah. Kesannya, penghibah boleh dipaksa supaya menyerahkan *mawhūb* kepada penerima hibah. Sekiranya penerima lewat-lewatkan *qabd* sehingga penghibah menjadi muflis atau sakit, maka gugurlah hak tersebut dan akibatnya hibah menjadi batal. Perlu juga ditekankan bahawa keizinan penghibah tidak disyaratkan bagi *qabd* dalam mazhab Mālikī.²⁷ Berdasarkan pada hakikat ini, ternyatalah bahawa *qabd* bagi mazhab Mālikī adalah satu proses teknikal sahaja dan bukanlah merupakan satu keperluan dalam pembentukan hibah.

Abū Thawr, Ibn Ḥazm dan Aḥmad mempunyai pandangan yang lebih terbuka dalam hal ini. Mereka menyatakan *qabd* bukan sahaja tidak menjadi rukun, bahkan tidak juga menjadi syarat penyempurnaan dan syarat sah bagi hibah.²⁸

Pandangan ini adalah berasaskan kepada maksud umum ayat al-Quran²⁹ mengenai perintah supaya orang beriman menyempurnakan perjanjian. Berdasarkan ayat ini, akad hibah merupakan satu perjanjian yang perlu dipatuhi, sama sahaja dengan akad-akad yang lain. Oleh kerana itu, pematuhan terhadap akad ini tidak memerlukan pihak-pihak menyempurnakan *qabd*.³⁰ Selain itu, pandangan ini juga bersandarkan kepada hadith Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

²⁶ Ibn Qudāmah (t.t.), *op.cit.*, hh. 280-281.

²⁷ Al-Wahhāb, Abī Muḥammad ‘Abd (1998), *al-Ma‘ūnah ‘alā Madhhab ‘Ālim al-Madīnah*, j. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 397; Ibn Rushd (2003), *op.cit.*, hh. 363-364.

²⁸ Ibn Rushd (2003), *op.cit.*, h. 363; al-Khālid, ‘Abd al-Raḥmān (1993), *Mawsū‘at al-Fiqh al-Mālikī*, j. 4. Beirut: Dār al-Ḥikmah, h. 345; Ibn Ḥazm (2001), *op.cit.*, h. 62; Ibn Qudāmah (t.t.), *op. cit.*, h. 281.

²⁹ Surah al-Mā’idah, 5: 1.

³⁰ Al-Wahhāb (1998), *op.cit.*, h. 498.

“Orang yang menarik kembali hibahnya adalah seperti seekor anjing yang menjilat kembali muntahnya.”³¹

Bagi Imam Mālik dan fuqaha yang sependapat dengannya, hadith ini menunjukkan bahawa *ijāb* dan *qabūl* telah mewujudkan satu hibah yang mengikat (*lāzim*) kedua-dua pihak. Demikian juga, hadith ini tidak membezakan antara tindakan menarik balik pemberian itu sama ada dilakukan sebelum *qabḍ* atau selepasnya.³² Oleh kerana itulah, *mawhūb* dianggap telah berpindah milik kepada penerima hibah dan tindakan menarik balik hibah oleh penghibah adalah dilarang. Selain itu, oleh kerana hibah merupakan akad sukarela (*tabarruʿ*), maka pemilikan terhadap *mawhūb* menjadi sah sebelum berlaku *qabḍ* sepertimana dalam kes wasiat dan wakaf. Beliau juga menqiyaskan hal *qabḍ* atas hibah ini dengan *qabḍ* atas jual beli (*bayʿ*) di mana pindah milik berlaku dalam jual beli walaupun tanpa *qabḍ*. Pandangan ini berpegang kepada maksim “Asal pada sesuatu akad itu tidak diperlukan *qabḍ* sebagai syarat sahnya, sehingga terdapat bukti (dalil) yang menunjukkan sebaliknya”.³³

³¹ Hadith daripada Ibn ʿAbbās, Lihat al-ʿAsqalānī, Ibn Hajar (t.t.), *op.cit.*, Bāb Lā Yaḥill li Aḥad An Yarjiʿ fi Hibatih Waṣadaqātih, hadith no. 2621, h. 284; lihat al-Nawawī (2003), *op.cit.*, hadith no. 1622, h. 238; lihat ʿAbd Allāh bin Muḥammad bin Abī Shaybah (1994), *al-Muṣannaḥ fi al-ʿAhādīth wa al-Āthār*, j. 5. Beirut: Dār al-Fikr, Bāb Man Kuriha al-Rujūʿ fi al-Hibah, Hadis no. 212/7, h. 199; lihat Abī al-Ṭayyib Muḥammad Shams al-Ḥaq (1979), *ʿAwn al-Maʿbūd Sharḥ Sunan Abī Dāwūd*, j. 9. Beirut: Dār al-Fikr, Kitāb al-Buyūʿ, Bāb al-Rujūʿ fi al-Hibah, hadis no. 3561, h. 454; lihat al-Nasāʾī, Aḥmad Ibn Shuʿayb (t.t.), *Sunan al-Nasāʾī bi Sharḥ al-Ḥāfiẓ Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī*, j.6. Beirut: Dār al-Iḥyāʾ al-Turāth al-ʿArabī, Kitāb al-Hibah: Bāb al-Ikhtilāf ʿalā Ṭāwūs fi al-Rājiʿ fi Hibatih, h. 267; lihat Ibn Mājah, Abī ʿAbd Allāh Muḥammad bin Yāzīd al-Qazwīnī (t.t.), *al-Sunan Ibn Mājah*, j. 2. Kaherah: Maṭbaʿah Dār Iḥyāʾ al-Kutub al-ʿArabiyyah, Kitāb al-Hibah: Bāb al-Rujūʿ fi al-Hibah, hadis no. 2385, h. 797; lihat Ibn Ḥibbān (1987), *al-Iḥsān bi Tartīb Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, j. 7. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, Bāb al-Rujūʿ fi al-Hibah, hadis no. 5099, h. 289; lihat al-Bayhaqī (t.t.), *op.cit.*, Kitāb al-Hibah: Bāb Man Qāl Lā Yuḥill li Wāhib An Yarjiʿ fi Mā Wahab li Aḥad Illā al-Wālid fi Mā Wahab li Waladīh, h. 180; lihat al-Baghawī, Ḥusayn bin Masʿūd (t.t.), *Maṣābīḥ al-Sunnah*, j. 2. Beirut: Dār al-Qalam, Bāb al-ʿAṭyā, hadis no. 209, h. 49.

³² Al-Wahhāb (1998), *op.cit.*, h. 498.

³³ *Ibid.*, h. 363.

Undang-undang Keluarga Tunisia yang dipanggil *Majallat al-Aḥwāl al-Shakhsīyah* (No. 17/1964) telah menerima pakai pandangan ini. Perkara 201, undang-undang tersebut memperuntukkan, “Hibah menjadi sempurna dengan penyerahan *mawhūb* kepada penerima hibah”. Manakala Perkara 203 pula memperuntukkan, “Jika penyerahan tidak disempurnakan (oleh penghibah), penerima hibah boleh meminta penghibah berbuat demikian.”

Berdasarkan perbincangan di atas, berikut merupakan kesimpulan mengenai kedudukan *qabḍ* dalam hibah mengikut perspektif fuqaha pelbagai mazhab:

- i. *Qabḍ* mensabitkan pemilikan kepada penerima hibah. Tanpa *qabḍ*, *mawhūb* tidak akan berpindah milik kepada penerima bahkan kekal di tangan penghibah. Ini merupakan pandangan mazhab Ḥanafī, Shāfi‘ī dan Ḥanbalī.³⁴
- ii. *Qabḍ* hanya disyaratkan kepada *mawhūb* yang boleh disukat dan ditimbang. Ini merupakan pandangan Imam Aḥmad bin Ḥanbal.
- iii. Akad hibah mengikat (tidak boleh dibatalkan) dengan hanya *qabūl* (penerimaan) oleh penerima hibah. *Qabḍ* hanya berfungsi mensabitkan pemilikan *mawhūb*. Ini menjadi pegangan mazhab Mālik.
- iv. *Qabḍ* tidak diperlukan sama sekali, sama ada untuk menjadikan hibah itu mengikat, mahupun untuk mensabitkan pemilikan. Hibah menjadi sempurna semata-mata dengan *ījāb* dan *qabūl*. Ini merupakan pandangan yang dipegang oleh mazhab Zāhirī, Abū Thawr, Imam al-Shāfi‘ī dalam *qawl qadīm* beliau dan Imam Aḥmad bin Ḥanbal khusus bagi *mawhūb* yang tidak boleh disukat dan ditimbang.

ANALISIS TERHADAP PELAKSANAAN *QABḌ* DALAM HIBAH

Daripada perbincangan di atas, didapati bahawa syarat *qabḍ* adalah penting dalam konteks hibah dari dua sudut. **Pertama**, bagi mensabitkan hak milik penerima hibah terhadap *mawhūb*. Kesannya, apabila *qabḍ* dilaksanakan,

³⁴ Walau bagaimanapun, dari aspek hak penghibah membatalkan hibahnya (meskipun *qabḍ* telah berlaku), fuqaha dalam golongan ini berbeza pendapat. Dalam hal ini, mazhab Ḥanafī berpendapat bahawa penghibah masih lagi mempunyai hak untuk membatalkan hibahnya berasaskan asas bahawa hibah pada asalnya bagi mereka adalah akad yang tidak *lāzim*. Pandangan yang sebaliknya bagi mazhab Shāfi‘ī dan Ḥanbalī iaitu hibah akan menjadi *lāzim* (mengikat dan tidak boleh dibatalkan) dengan *qabḍ*. Penulis dalam hal ini, tidak bermaksud untuk membahaskan isu ini dengan ditil kerana fokus artikel ini hanya dari aspek *qabḍ* dan tidak menjangkau topik pembatalan hibah (*al-rujū‘ fī al-hibah*).

pihak-pihak lain tidak boleh menafikan hak pemilikan penerima hibah dan mereka juga tidak berhak untuk mendakwa bahawa harta itu belum lagi diserahkan kepada sesiapa pun. Misalnya, bagi kes hibah seorang bapa kepada anaknya, adik beradik kepada penerima hibah tidak boleh lagi mencabar kewujudan hibah tersebut jika telah terbukti *qabḍ* telah dilaksanakan. Manakala yang **kedua** adalah untuk memastikan akad yang dibuat oleh pihak-pihak penghibah dan penerima hibah itu mengikat di sisi undang-undang. Ini sekaligus memberi kesan bahawa penghibah sudah tidak lagi boleh menarik kembali pemberiannya itu.

Mazhab Mālikī, sungguhpun didapati agak longgar dalam mengenakan penggunaan syarat *qabḍ* ini, namun ia mensyaratkan supaya penerima hibah mengambil tindakan yang segera untuk menuntut supaya penghibah menyerahkan *mawhūb* kepadanya. Sekiranya penghibah menjadi muflis, sakit, gila atau mati sebelum penerima hibah sempat melakukan *qabḍ*, maka hibah tersebut terbatal. Oleh kerana itu, penghibah dalam hal ini bertanggungjawab untuk menyegerakan penyerahan *mawhūb* untuk tindakan *qabḍ* oleh penerima hibah. Tindakan undang-undang atau paksaan boleh dikenakan ke atas penghibah yang enggan atau sengaja melewat-lewatkan penyerahan *mawhūb*.³⁵

Syarat *qabḍ* ini, pada pandangan penulis, selain mempunyai kesan dari segi undang-undang sepertimana yang diterangkan di atas, adalah bertujuan bagi memastikan bahawa *mawhūb* yang telah didedikasikan oleh penerima hibah itu tidak disia-siakan dan dimanfaatkan oleh penerima hibah tersebut. Oleh kerana pemilik harta dengan suci hati memberikan hartanya tanpa sebarang bayaran, maka sudah tentu pemilik harta itu memerlukan satu kepastian bahawa penerima hibah benar-benar bersetuju dan ingin menerima harta itu menjadi miliknya. Mungkin juga penghibah tadi akan *mentaṣarrufkan* hartanya itu kepada tujuan lain jika orang yang dinamakan sebagai penerima hibah itu tidak mahu atau tidak pasti untuk memiliki pemberian tersebut. Hal ini berbeza dengan wakaf, yang mana harta itu didedikasikan untuk tujuan mendapat pahala yang berkekalan daripada Allah s.w.t., hibah hanya satu pemberian sebagai tanda kasih sayang kepada penerima hibah. Begitu juga dengan akad pinjaman (*i'ārah*), peminjam disyaratkan untuk memulangkan kembali harta yang dipinjam itu kepada pemilik harta. Oleh kerana itulah,

³⁵ Lihat Ibn Rushd (2003), *op.cit.*, hh. 363-364; Amīr ‘Abd al-‘Azīz (1999), *Fiqh al-Kitāb wa al-Sunnah*, j. 3. Kaherah: Dār al-Salām, h. 1607.

qabḍ tidak disyaratkan dalam wakaf³⁶ dan pinjaman.³⁷ Ini kerana risiko yang ditanggung oleh pemilik harta dalam kes hibah (kecuali dalam kes hibah dengan syarat balasan) adalah lebih tinggi daripada kedua-dua akad tadi. Atas dasar inilah, syarak (secara umumnya) menetapkan supaya walaupun telah ada pernyataan dan keazaman untuk memberi milikan oleh penghibah (iaitu *ījāb*) dan juga pernyataan untuk menerima pemberian tersebut oleh penerima hibah (iaitu *qabūl*), terdapat satu lagi elemen yang memastikan bahawa hasrat pemilik harta itu dapat direalisasikan, iaitu *qabḍ* oleh penerima tersebut. Dengan kata lain, selain melafazkan persetujuan (*qabūl*) terhadap pemberian tersebut, penerima hibah dikehendaki melakukan satu lagi tindakan yang boleh dianggap untuk “mengesahkan” penerimaan terhadap *mawhūb* tadi dan tindakan yang dikehendaki itu ialah *qabḍ*. Pada pendapat penulis, inilah *maqāṣid al-sharī‘ah* daripada pensyaratan elemen *qabḍ* itu sendiri.

Berdasarkan kepada apa yang dikatakan sebagai *maqāṣid al-sharī‘ah* bagi *qabḍ* tersebut, penulis berpendapat bahawa perkara yang perlu ditekankan dalam konteks kesan *qabḍ* terhadap akad hibah ialah kepada persetujuan, keinginan dan kesungguhan penerima hibah itu sendiri untuk memiliki harta yang diberikan kepadanya. Jika hal tersebut dapat dibuktikan, maka ini boleh dijadikan petunjuk untuk menyatakan bahawa hibah telah berlaku. Untuk memastikan elemen *qabḍ* ini wujud atau sebaliknya, perlu difahami mengenai cara atau tindakan penerima hibah yang boleh diterima sebagai *qabḍ*.

Sebenarnya *qabḍ* tidaklah ditetapkan oleh fuqaha dengan satu mekanisme tertentu yang perlu dipatuhi secara rigid. Secara mudahnya, kayu ukur yang menentukan sesuatu tindakan atau perkara tersebut adalah *qabḍ* atau sebaliknya adalah *urf* atau adat setempat. Dengan kata lain, sekiranya *urf* sesuatu masyarakat menyatakan bahawa sesuatu tindakan itu merupakan *qabḍ*, maka

³⁶ Menurut pandangan *jumhūr*, iaitu mazhab Shāfi‘ī, Ḥanbalī dan Abū Yūsuf daripada mazhab Ḥanafī, *qabḍ* tidak disyaratkan untuk menguatkuasakan wakaf. Pandangan ini, menurut al-Jank (sarjana yang mengkaji mengenai *qabḍ* dalam undang-undang Islam) merupakan pandangan yang lebih tepat berbanding dengan pandangan yang mensyaratkannya. Lihat ‘Alā’ al-Dīn bin ‘Abd al-Razzāq al-Jank (2004), *al-Taqābuḍ fī al-Fiqh al-Islāmī wa Atharuhū ‘alā al-Buyū‘ al-Mu‘āṣirah: Biṭāqah al-I‘timān, al-Burṣah, al-Shīkāṭ wa al-Shīkah al-Siyāḥiyah, al-I‘timādāt, al-Hawālāt, al-Shuhr al-‘Aqārī, al-Tijārah al-Iliktrūniyyah*. ‘Ammān: Dār al-Nafā’is, hh. 156-158.

³⁷ Pandangan yang tidak mensyaratkan *qabḍ* dalam akad pinjaman merupakan pandangan mazhab Shāfi‘ī dan Ḥanbalī, yang juga merupakan pandangan Ibn ‘Abbās dan Abū Hurayrah. Lihat *ibid.*, hh. 191-192.

itulah sebenarnya *qabḍ*.³⁸ Hal ini adalah selaras dengan kaedah *fiqh*, “Adat itu mengikat”.³⁹

Perlu ditekankan bahawa prosedur *qabḍ* juga bergantung kepada jenis *mawhūb*. Bagi *mawhūb* yang berupa harta tak alih (*‘aqār*) seperti tanah dan rumah, *qabḍ* boleh berlaku apabila penghibah mengosongkan harta tersebut bagi membolehkan penerima hibah melakukan sebarang aktiviti terhadap harta tersebut.⁴⁰ *Qabḍ* juga dianggap berlaku apabila penghibah menyerahkan kunci rumah kepada penerima hibah meskipun dia belum menduduki rumah tersebut.⁴¹ Dalam konteks semasa, penyempurnaan prosedur pertukaran hak milik harta tak alih di organisasi yang terlibat juga boleh dianggap sebagai *qabḍ*. Dalam kes *Mohd Mokhtar b Hj. Abdullah v Fadhilah bt Hj. Abdullah & 4 yang Lain*,⁴² perayu mengemukakan rayuan ke atas keputusan hakim Mahkamah Tinggi Syariah yang menolak tuntutan mengesahkan penarikan balik hibah yang dibuat oleh ibunya kepada responden-respondan. Perayu mendakwa bahawa hibah yang berlaku adalah tidak sah di sisi syarak kerana keempat-empat responden tidak menduduki dan menguasai (*qabḍ*) harta tersebut sejak diberikan sehingga kematian ibunya. Oleh kerana itu, menurutnya mereka tidak memilikinya kerana syarak tidak mengiktiraf penerimaan milik di atas kertas sahaja. Mahkamah dalam jawapannya kepada isu ini menyatakan bahawa tidak ada apa-apa keterangan semasa perbicaraan bahawa segala rukun dan syarat hibah tidak ditepati atau terdapat kecacatan padanya. Bahkan mengikut apa yang tercatat dalam cabutan hak milik menunjukkan bahawa telah berlaku pindah milik kepada keempat-empat orang responden tersebut dan ini dianggap telah sempurna dan telah berlaku *qabḍ* dalam pemilikan hartanah.

³⁸ *Majallah Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī* (1990), j. 1, bil. 6, h. 585. Dalam konteks di Malaysia, Kumpulan Penyelidikan Instrumen Islam (KPII) bagi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah memutuskan bahawa *‘urf* setempat menjadi asas dan garis panduan untuk menentukan *qabḍ* dalam sesuatu urusaniaga. Justeru, apa sahaja yang diterima pakai oleh *‘urf* sebagai *qabḍ* dapat dijadikan garis panduan untuk urusaniaga yang dilakukan dalam pasaran modal. Lihat Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya sekuriti (2006), *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti, h. 125.

³⁹ (العادة محكمة). Lihat al-Suyūfī, Jalāl al-Dīn ‘Abd Raḥmān (t.t.), *al-Ashbāh wa al-Naẓā‘ir*. T.P.: al-Maktabah al-Tawfiqiyah, h. 182.

⁴⁰ Kaedah ini dikenali sebagai *takhliyyah*. Walau bagaimanapun, bagi al-Sayyid al-Bakrī *qabḍ* dengan kaedah ini tidak diterima sebagai *qabḍ* yang sah. Lihat al-Dimyāfī, Abī Bakr ‘Uthmān bin Muḥammad Syattā (2002), *Ḥāshiyah I‘ānat al-Ṭālibīn ‘alā Ḥal Alfāz Fath al-Mu‘īn*, j. 3. Dār al-Fikr, h. 238.

⁴¹ Al-Jank (2004), *op.cit.*, hh. 172-173.

⁴² [2005] 1 JH 138.

Dalam hal ini, undang-undang sivil di negara-negara Islam telah memperuntukkan bahawa hibah bagi harta tak alih mestilah dibuat mengikut prosedur pindah milik yang telah ditetapkan oleh undang-undang. Peruntukan ini, boleh dilihat, antaranya dalam Perkara 488, Undang-undang Sivil Mesir; Perkara 507, Undang-undang Sivil Lubnan 1932 dan Perkara 602, Undang-undang Sivil Iraq. Di Malaysia, walaupun tiada peruntukan sedemikian, namun hibah harta tak alih secara umumnya mestilah memenuhi prosedur pindah milik di bawah Kanun Tanah Negara.⁴³ Dalam satu kes di Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Lumpur, *Siti Aishah @ Kalsom bt Dahalan*,⁴⁴ hibah harta tak alih yang dibuat tanpa melibatkan proses pertukaran hak milik daripada penghibah kepada penerima hibah dianggap tidak sah kerana syarat *qabḍ* tidak dipenuhi.

Namun demikian, pindah milik *mawhūb* kepada nama penerima hibah tidak semestinya menjadi asas utama kepada kesahan sesuatu hibah. Pindah milik ini hanya merupakan salah satu daripada cara *qabḍ* dilakukan. Jika dapat dibuktikan elemen *qabḍ* ini wujud walaupun tanpa prosedur pindah milik, maka hibah dianggap sah. Dalam kes *Dalam Perkara Nang Lijah bt Megat Stan*,⁴⁵ Penuntut membuat tuntutan bagi mendapatkan tanah peninggalan si mati, iaitu bapa saudara dan juga bapa angkatnya. Semasa hayat si mati, beliau telah memberi dua lot tanahnya kepada Penuntut tetapi tidak dapat dibuat pindah milik kerana si mati pada masa itu dalam keadaan terlalu uzur. Pihak yang menuntut membuat tuntutan bahawa dua lot tanah milik si mati merupakan pemberian (hibah) kepadanya yang dibuat semasa hayat si mati. Diputuskan bahawa hibah yang dilakukan oleh si mati adalah sah dan memenuhi segala rukun dan syaratnya.

Sementara itu, *qabḍ* bagi harta-harta alih (*manqūl*) boleh dilakukan dengan memindahkan *mawhūb* mengikut 'urf masyarakat setempat dan juga berdasarkan kepada jenis harta tersebut.⁴⁶ Proses *qabḍ* yang dikenali sebagai *munāwalah* ini boleh berlaku apabila penghibah menyerahkan (*taslīm*) *mawhūb* dan penerima hibah pula menerima serahan (*tasallum*) tersebut. Selain itu, ia juga berlaku jika pihak-pihak sama ada penghibah atau pun penerima hibah mewakili *munāwalah* tersebut kepada pihak ketiga. *Qabḍ* dikira sempurna

⁴³ (Akta 56/1965). Lihat Perkara 215.

⁴⁴ (No. Kes: 14200-044-0058-2008).

⁴⁵ Kanun, September 2006, h. 169.

⁴⁶ Lihat *Majallat Majma' al-Fiqh al-Islāmī* (1990), *op.cit.*, h. 502; al-Sanhūrī, 'Abd al-Razzāq (t.t.), *al-Wasīṭ fī Sharḥ al-Qānūn al-Madani*, j. 2. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, hh. 58-59.

apabila *mawhūb* diserahkan kepada penerima (oleh wakil penghibah) atau pun apabila wakil penerima hibah menerima serahan *mawhūb* tersebut. *Qabḍ* juga diiktiraf jika hanya terdapat *taslīm* daripada penghibah tanpa *tasallum* daripada penerima hibah. Kaedah ini dilakukan dengan penghibah meletakkan hak *taṣarruf* dan faedah *mawhūb* tersebut kepada penerima hibah tanpa sebarang sekatan. Namun, penerima hibah melalui kaedah ini mestilah terlebih dahulu mengetahui mengenai kedudukan *mawhūb* yang telah berada di bawah milikannya itu.⁴⁷

Oleh yang demikian, dapatlah difahami daripada penjelasan mengenai cara bagaimana *qabḍ* itu dilaksanakan bahawa *qabḍ* bukan sahaja boleh dilakukan oleh penerima hibah, bahkan dalam keadaan-keadaan tertentu ia boleh juga merujuk kepada tindakan penghibah itu sendiri. Misalnya tindakan *takhliyyah* oleh penghibah terhadap harta tak alih dan juga *taslīm* daripada penghibah tanpa disyaratkan tindakan *tasallum* oleh penerima hibah.⁴⁸

Dalam pada itu, terdapat beberapa situasi dalam hibah yang tidak memerlukan *qabḍ*. Antaranya, dalam kes seseorang menghibahkan harta kepunyaannya yang telah berada di tangan penerima hibah (sebelum *ṣiḡḡah ijāb*), hibah dianggap sempurna tanpa memerlukan *qabḍ*.⁴⁹ Keadaan ini biasanya berlaku bagi *mawhūb* yang berada dalam *ḥiyāzah* penerima hibah di bawah *wadī'ah* (simpanan), *'āriyah* (pinjaman), *ijārah* (sewaan), *rahn* (gadaian) *luqaṭah* (barang tercicir), harta amanah dan harta yang dirampas. Dalam situasi ini, *qabḍ* dianggap telahpun berlaku⁵⁰ dan *qabḍ* yang baru tidak diperlukan dengan syarat adanya *qabūl* oleh penerima hibah sekalipun *mawhūb* tidak berada dalam majlis hibah. Penghibah pula tidak perlu menyerahkan (*taslīm*) semula harta tersebut kepada penerima. Dengan demikian, bolehlah dikatakan bahawa *qabūl* bagi hibah dalam kes-kes tersebut adalah mengambil tempat *qabḍ*.⁵¹

⁴⁷ Al-Sanhūrī (t.t.), *op.cit.*, hh. 59-60.

⁴⁸ Lihat misalnya Perkara 201, Undang-undang Sivil Tunisia yang memperuntukkan, “Hibah menjadi sempurna dengan penyerahan *mawhūb* kepada penerima hibah ... (تتم الهبة بتسليم الشيء الموهوب الى الموهوب له)”

⁴⁹ Perkara 846, Majallat al-Aḥkām al-‘Adliyyah; Ibn Qudāmah (t.t.), *op.cit.*, h. 280.

⁵⁰ Dari segi teknikalnya, *qabḍ* dalam situasi sebegini dikenali sebagai *al-qabḍ al-ḥukmī* (*qabḍ* dari segi hukum). Lihat Badrān Abū al-‘Aynayn Badrān (1985), *al-Mawārith wa al-Waṣīyyah wa al-Hibah fī al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah wa al-Qānūn*. Iskandariyah: Mu’assasah Shabāb al-Jāmi’ah, h. 224.

⁵¹ ‘Alī Ḥaydar (t.t.), *op.cit.*, h. 362; Muḥammad Qadrī Bashā (2006), *al-Aḥkām al-Shar‘iyyah fī al-Aḥwāl al-Shakhṣiyyah*, j. 1. Kaherah: Dār al-Salām, Perkara 501, h. 1219.

Bagi hibah yang diberikan kepada anak yang masih kecil oleh bapa atau penjaga anak tersebut, hibah dikira sempurna semata-mata dengan *ṣīghah ijāb* daripada penghibah tanpa memerlukan *qabḍ*.⁵² Selepas *ṣīghah ijāb*, bapa akan memegang *mawhūb* berkenaan atas kapasitinya sebagai pemegang amanah (bukan sebagai pemilik) bagi harta anaknya itu.

Selain itu, *qabḍ* juga tidak diperlukan jika penghibah menghibahkan rumahnya yang diduduki bersama-sama penerima hibah. Dalam kes *Poolimahee Rajeswary @ Fatimah bt. Baba v Meah bt. Hussain*,⁵³ plaintif merupakan anak angkat kepada defendan. Dalam penyata tuntutan, plaintif mendakwa si mati (yang juga bapa angkatnya) pada masa hidupnya telah menyatakan hasratnya untuk menyerahkan tanah dan rumah tersebut kepada Plaintif dengan menukar nama tanah dan rumah tersebut dari nama si mati kepada plaintif. Namun, si mati tidak dapat menguruskan proses pertukaran nama tanah dan rumah tersebut kerana tidak mempunyai wang untuk melakukan prosedur tersebut. Sebelum kematiannya, si mati telah berpesan kepada plaintif bahawa sekiranya berlaku sesuatu ke atas dirinya, plaintif diminta supaya membuka almari kepunyaan si mati dan mengambil surat di dalam almari tersebut. Mahkamah dalam kes ini, membenarkan permohonan defendan dan *qabḍ* terhadap rumah tersebut bukanlah menjadi isu kerana plaintif telah tinggal dalam rumah tersebut bersama-sama si mati sejak kecil.

Atas dasar ini juga,⁵⁴ *qabḍ* tidak diperlukan dalam hibah yang dilakukan oleh suami kepada isteri atau sebaliknya. Dalam situasi semasa, syarikat-syarikat perancangan kehartaan Islam antara lain menawarkan perkhidmatan hibah yang melibatkan antara pasangan suami dan isteri. Pemberian suami kepada isteri adalah mengikat dengan kedua-dua pihak menandatangani surat ikatan (*deed*) dan walaupun tanpa melalui proses pertukaran hak milik.⁵⁵

Pada pandangan penulis, *qabḍ* tidak diperlukan dalam kes-kes tersebut kerana *maqāṣid* kepada *qabḍ* itu sendiri telah dipenuhi walaupun dalam kes-kes yang disenaraikan itu, *qabḍ* secara formalnya tidak disyaratkan. Penerima hibah dalam situasi yang disenaraikan di atas pada hakikatnya telah

⁵² Perkara 851, Majallat al-Aḥkām al-‘Adliyyah.

⁵³ [2005] 1 JH 164.

⁵⁴ Iaitu *qabḍ* tidak diperlukan dalam kes penghibah menghibahkan rumahnya yang diduduki bersama-sama penerima hibah.

⁵⁵ *Mohammad Sadiq v Fakhr Jahan* [1991] 59 I. A. 1, 13. Dipetik daripada Asaf A. A. Fyze (1974), *Outlines of Muhammadan Law*. Delhi: Oxford University Press, h. 234.

mempunyai akses terhadap *mawhūb* ketika hibah itu dibuat dan peneanaan syarat *qabḍ* dalam kes-kes seumpama ini adalah tidak signifikan kepada akad hibah tersebut.

Sementara itu, isu yang agak penting untuk diketengahkan dalam membincangkan mengenai *qabḍ* ini ialah keizinan daripada penghibah untuk penerima hibah melakukan *qabḍ*. Berdasarkan kepada syarat ini, *qabḍ* yang dibuat tanpa memperoleh keizinan daripada penghibah terlebih dahulu adalah tidak sah dan oleh kerana itu tidak boleh menguatkuasakan pindah milik *mawhūb* kepada penerima hibah.⁵⁶ Keizinan penghibah boleh dilakukan melalui dua cara iaitu secara nyata (*ṣarīḥ*) dan sebaliknya (*dilālah*).⁵⁷ Keizinan dengan *ṣarīḥ* diperolehi apabila penghibah membenarkan penerima hibah untuk mengambil atau memegang *mawhūb* tersebut dengan kata-kata yang seperti “*Ambillah*,” “Saya izinkan kamu ambil” dan seumpamanya. *Qabḍ* dalam keadaan ini boleh dilakukan di dalam ataupun di luar majlis hibah.⁵⁸ Keizinan dikira sah selagi mana penghibah tidak melarang penerima melakukan *qabḍ* selepas keizinan dilafazkan.⁵⁹ Manakala keizinan secara *dilālah* pula boleh berlaku apabila penerima melakukan *qabḍ* di dalam majlis hibah dan penghibah pula tidak menegah tindakan penerima itu.⁶⁰ Selain prosedur-prosedur yang disenaraikan itu, undang-undang Islam juga mengiktiraf *ījāb* daripada penghibah sebagai keizinan bagi penerima melakukan *qabḍ*⁶¹ dengan syarat penghibah tidak melarang *qabḍ* itu dilakukan selepas *ījāb* dilakukan.⁶²

Menurut Ibn Ḥajar al-Haytamī, keizinan *qabḍ* boleh terbatal sebelum penerima melakukan *qabḍ* dengan cara penghibah menarik balik keizinannya,

⁵⁶ Lihat misalnya al-Kāsānī (2003), *op.cit.*, h. 106; al-Khaṭīb, Muḥammad al-Sharbīnī (t.t.), *op.cit.*, h. 67.

⁵⁷ Lihat misalnya Perkara 842, Majallat al-Aḥkām al-‘Adliyyah; al-Kāsānī (2003), *op.cit.*, h. 106.

⁵⁸ Hukum ini berdasarkan kaedah *istiḥsān*. Namun, berdasarkan *qiyās*, *qabḍ* mesti dilakukan dalam majlis hibah. Sepertimana yang diperakukan oleh Zufar, seorang ulama mazhab Ḥanafī. Lihat al-Kāsānī (2003), *op.cit.*, h. 106.

⁵⁹ ‘Alī Ḥaydar (t.t.), *op.cit.*, h. 360.

⁶⁰ Keizinan dengan *dilālah* ini adalah harus berdasarkan kaedah *istiḥsān*, namun ia menyalahi *qiyās*. Lihat al-Kāsānī (2003), *op.cit.*, h. 107. Berbeza dengan keizinan *qabḍ* secara nyata, keizinan secara *dilālah* ini tidak sah dilakukan selepas majlis hibah. Lihat Perkara 844, Majallat al-Aḥkām al-‘Adliyyah.

⁶¹ Lihat misalnya Perkara 843, Majallat al-Aḥkām al-‘Adliyyah.

⁶² Lihat Perkara-perkara 13 dan 863 dalam *ibid*.

gila, pitam, dihalang daripada berurusanniaga (*mahjūr ‘alayh*) dan kematian salah satu daripada penghibah dan penerima.⁶³ Namun demikian, al-Sharbīnī berpendapat bahawa dalam kes pihak-pihak menjadi gila dan pitam, penerima boleh melakukan *qabḍ* apabila dia sedar. Begitu juga wali bagi penerima yang menjadi gila itu boleh melakukan *qabḍ* untuknya ketika dia masih dalam keadaan gila.⁶⁴ Walau bagaimanapun, penghibah atau warisnya yang telah menarik balik keizinan *qabḍ* boleh membuat keizinan baru bagi membolehkan penerima atau warisnya melakukan *qabḍ*.⁶⁵

Pada pandangan penulis, perbincangan fuqaha mengenai keizinan penghibah untuk *qabḍ* ini adalah bagi memastikan akad hibah berlaku atas dasar kerelaan (*riḍā*) daripada penghibah dan penerima hibah. Oleh kerana hibah adalah akad sepihak dan akad *tabarru‘*, maka kepentingan izin daripada penghibah ini dilihat sebagai “petunjuk” terakhir kepada kerelaannya untuk memberikan *mawhūb* kepada penerima hibah sebelum *mawhūb* tersebut bertukar milik kepada orang lain. Dengan kata lain, elemen kerelaan yang diperlukan dalam akad hibah itu tidak sahaja dipenuhi oleh *ijāb* daripada penghibah sahaja, bahkan ia perlu melalui satu lagi prosedur iaitu keizinan *qabḍ* yang diberi kepada penerima hibah itu.

Walaupun bagaimanapun, prosedur keizinan yang dibincangkan ini adalah terlalu teknikal sifatnya. Merujuk kepada perbincangan di atas, penulis bersetuju dengan pendapat yang mengatakan bahawa *ijāb* itu sendiri merupakan satu keizinan daripada penghibah. Barangkali inilah yang menyebabkan mazhab Mālikī (dan yang sependapat dengan mazhab ini) tidak mensyaratkan *qabḍ* dalam hibah. Hal ini mungkin kerana mereka menganggap bahawa *ijāb* daripada penghibah telah memberi petunjuk yang jelas bahawa penghibah telah mengizinkan penerima hibah untuk *qabḍ* walaupun dengan cara memaksa penghibah itu sendiri untuk menyerahkan *mawhūb* kepadanya sekiranya dia enggan melakukannya. Sementara itu, tindakan penghibah yang tidak melarang penerima hibah daripada melakukan *qabḍ* boleh juga dikira sebagai keizinan *qabḍ*. Secara logiknya (jika difahami secara sebaliknya atau *mafhūm mukhālafah*), sekiranya penghibah tidak mengizinkan *mawhūb* di*qabḍ*, sudah tentu dia akan melarang tindakan tersebut atau membatalkan hibahnya. Tambahan pula, jika *qabḍ* itu sendiri dianggap sempurna dengan

⁶³ Ibn Ḥajar al-Haytamī (2001), *Tuḥfat al-Muḥtaj bi Sharḥ al-Minhāj*, j. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 525.

⁶⁴ Al-Khaṭīb (t.t.) *op.cit.*, h. 68.

⁶⁵ *Ibid.*

hanya penghibah menyerahkan *mawhūb (taslīm)* kepada penerima hibah, maka sudah tentu tindakan ini merupakan keizinan *qabḍ* kerana *qabḍ* itu disempurnakan oleh penghibah itu sendiri. Oleh yang demikian, penilaian kepada keizinan *qabḍ* ini perlulah dilihat secara lebih luas dengan merujuk kepada situasi dan fakta kes.

Dalam kes pengesahan hibah *Siti Noor Aseera bt. Awang*,⁶⁶ pemohon yang merupakan satu-satunya anak kepada bapanya, memohon daripada mahkamah untuk mengesahkan hibah Allahyarham bapanya berupa dua harta tak alih dan juga satu harta alih yang berupa wang simpanan ASB kepada pemohon. Mahkamah dalam penghakimannya mendapati bahawa keizinan *qabḍ* telah berlaku berdasarkan fakta-fakta kes iaitu, pemohon dan suaminya telah pun tinggal di rumah (*mawhūb*) secara berterusan sejak bapanya hidup sehinggalah selepas kematiannya. Selain itu, tindakan pemohon yang menguruskan ladang, memegang geran-geran tanah dan buku ASB juga menunjukkan *qarīnah* yang kuat untuk membuktikan hal tersebut. Lebih jelas lagi, tindakan si mati mengambil borang 14A dari Pejabat Tanah Kuantan dan meletakkan nama pemohon di dalam borang tersebut untuk menukar nama pemilik tanah kepada pemohon (walaupun tidak sempat menyerahkan borang tersebut ke pejabat tanah) adalah bukti keizinan tersebut.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan mengenai syarat *qabḍ* dalam hibah, dapatlah disimpulkan bahawa syarat *qabḍ* yang sangat ditekankan oleh *jumhūr* fuqaha untuk menguatkuasakan hibah itu sebenarnya adalah fleksibel dalam pelaksanaannya. Kenyataan ini boleh dibuktikan dengan empat perkara berikut:

- i. Mekanisme atau kaedah *qabḍ* itu dilakukan adalah mengikut '*urf*' dan berdasarkan jenis sesuatu harta.
- ii. Tidak ada ketentuan yang khusus mengenai pihak yang perlu melakukan *qabḍ*. Dalam hal ini, syarat *qabḍ* tidak hanya boleh dilaksanakan oleh penerima hibah sahaja bahkan oleh penghibah sendiri.
- iii. Terdapat beberapa pengecualian yang telah diberikan oleh para fuqaha terhadap *qabḍ* dalam beberapa situasi yang telah disebutkan. Situasi-situasi ini, pada pemerhatian penulis merupakan amalan hibah yang paling popular, antaranya hibah daripada suami kepada isteri atau sebaliknya, hibah daripada bapa kepada anaknya yang masih kecil dan hibah kepada orang yang sama-sama mendiami rumah (*mawhūb*)

⁶⁶ 1 JH (2007) 119.

seperti anak angkat. Oleh kerana itu, isu mengenai syarat *qabḍ* dalam masyarakat Islam di Malaysia dalam situasi-situasi sebegini tidaklah terlalu perlu ditekankan.

- iv. Pembuktian kepada keizinan *qabḍ* oleh penghibah perlu dilihat kepada situasi dan fakta kes.

RUJUKAN

- ‘Abd Allāh bin Muḥammad bin Abī Shaybah (1994), *al-Muṣannaḥ fī al-Aḥādīth wa al-Āthār*, j. 5. Beirut: Dār al-Fikr.
- ‘Alī Ḥaydar (t.t.), *Durar al-Ḥukkām Sharḥ Majallat al-Aḥkām*, j. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- ‘Asqalānī, Aḥmad bin ‘Alī bin Muḥammad bin Ḥajar al- (1979), *Talkhīs al-Ḥabīr*, j. 3. Kaherah: Maktabat al-Kuliyah al-Azhariyyah.
- ‘Asqalānī, Aḥmad bin ‘Alī bin Muḥammad bin Ḥajar al- (t.t.), *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, j. 5. Kaherah: Dar al-Taḥqāq.
- Albānī, Muḥammad Nāṣir al-Dīn al- (1979), *Irwā’ al-Ghālīl fī Takhrīj al-Aḥādīth Manār al-Sabīl*, j. 6. Beirut: al-Maktab al-Islāmī.
- Amīr ‘Abd al-‘Azīz (1999), *Fiqh al-Kitāb wa al-Sunnah*, j. 3. Kaherah: Dār al-Salām.
- Asaf A. A. Fyze (1974), *Outlines of Muhammadan Law*, Delhi: Oxford University Press.
- Badrān Abū al-‘Aynayn Badrān (1985), *al-Mawāriḥ wa al-Waṣīyyah wa al-Hibah fī al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah wa al-Qānūn*. Iskandariyah: Mu’assasah Shabāb al-Jāmi’ah.
- Baghawī, Ḥusayn bin Mas‘ūd al- (t.t.), *Maṣābīh al-Sunnah*, j. 2. Beirut: Dār al-Qalam.
- Bahūtī, Maṣṣūr bin Yūnus al- (1982), *Kashshāf al-Qinā’ ‘an Matan al-Iqnā’*, j. 4. Beirut: Dār al-Fikr.
- Bayhaqī, Abī Bakr Aḥmad bin al-Ḥusayn bin ‘Alī al- (t.t.), *al-Sunan al-Kubrā*, j. 6. Beirut: Dār al-Fikr.
- Bukhārī, Muḥammad bin Ismā‘īl bin Ibrāhīm al- (t.t.), *al-Adab al-Mufrad*, j. 4. Jamāmīzah: Maktabat al-Adab wa Maṭba‘atuhā.
- Dimiyātī, Abī Bakr ‘Uthmān bin Muḥammad Syaṭṭā al- (2002), *Hāshiyah I‘ānat al-Ṭālibīn ‘alā Ḥal Alfāz Fath al-Mu‘īn*, j. 3, T.P.: Dār al-Fikr.

- Fayyūmī, Aḥmad bin Muḥammad al- (t.t.), *al-Miṣbāḥ al-Munīr*. Kaherah: Dār al-Ma‘ārif.
- Ḥaq, Abī al-Ṭayyib Muḥammad Shams al- (1979), ‘*Awn al-Ma‘būd Sharḥ Sunan Abī Dāwūd*, j. 9. Dār al-Fikr.
- Ibn ‘Ābidīn, Muḥammad Amīn (1966), *Ḥāshiyah Radd al-Mukhtār*, j.5. T.P.: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī.
- Ibn Ḥajar al-Haytamī (2001), *Tuḥfat al-Muḥtaj bi Sharḥ al-Minhāj*, j. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Ḥazm, Abū Muḥammad ‘Alī (2001), *al-Muḥallā bi al-Āthār*, j. 8. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Ḥibbān (1987), *al-Iḥsān bi Tartīb Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, j. 7. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Mājah, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yāzīd al-Qazwīnī (t.t.), *al-Sunan Ibn Mājah*, j. 2. Kaherah: Maṭba‘ah Dār Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- Ibn Manzūr, Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukarram (2003), *Lisān al-‘Arab*, j. 7. Kaherah: Dār al-Ḥādīṣ.
- Ibn Qudāmah, Muwāffaq al-Dīn ‘Abd Allāh bin Aḥmad (t.t.), *al-Mughnī*, j. 6. T.P.: Dār al-Fikr.
- Ibn Rusḥd, Muḥammad bin Aḥmad (2003), *Bidāyat al-Mujtahid wa Nihāyat al-Muqtaṣid*, j. 5. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Jank, ‘Alā’ al-Dīn bin ‘Abd al-Razzāq al- (2004), *al-Taqābuḍ fī al-Fiqh al-Islāmī wa Atharuhū ‘alā al-Buyū’ al-Mu‘āṣirah: Biṭāqah al-I’timān, al-Burṣah, al-Shīkāt wa al-Shīkah al-Siyāḥiyyah, al-I’timādāt, al-Ḥawālāt, al-Shuhr al-‘Aqārī, al-Tijārah al-Ilktrūniyyah*. ‘Ammān: Dār al-Nafā’is.
- Kāsānī, Abī Bakr bin Mas‘ūd al- (2003), *Badāi’ al-Ṣanāi’ fī Tartīb al-Sharāi’*, j. 8. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Khālīd ‘Abd al-Raḥmān al- (1993), *Mawsū‘at al-Fiqh al-Mālikī*, j. 4. Beirut: Dār al-Ḥikmah.
- Khaṭīb, Muḥammad al-Sharbīnī al- (t.t.), *Mughnī al-Muḥtāj*, j. 4. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Majallah Majma’ al-Fiqh al-Islāmī* (1990), j. 1, bil. 6.
- Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti (2006), *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti.

- Mohd. Ridzuan Awang (2003), "Pelaksanaan Harta Hibah", dalam *Isu Syariah dan Undang-undang*, Siri 12. Bangi: Jabatan Syariah UKM.
- Muḥammad Qadrī Bashā (2006), *al-Aḥkām al-Shar'īyyah fī al-Aḥwāl al-Shakhṣiyyah*, j. 1. Kaherah: Dār al-Salām.
- Nasā'ī, Aḥmad Ibn Shu'ayb al- (t.t.), *Sunan al-Nasā'ī bi Sharḥ al-Ḥāfiẓ Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī*, j.6. Beirut: Dār al-Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.
- Nawawī, Abī Zakariyyā Maḥy al-Dīn al- (t.t.), *al-Majmū' Sharḥ al-Muhadhdhab*, j. 15, Beirut: Dār al-Fikr.
- Nawawī, Abī Zakariyyā Maḥy al-Dīn al- (2003), *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawawī*, j. 4. Kaherah: Dār al-Manār.
- Nawawī, Abī Zakariyyā Maḥy al-Dīn al- (1985), *Rawḍat al-Ṭālibīn*, j. 5. Beirut: al-Maktab al-Islāmī.
- Qalyūbī, Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Aḥmad bin Salamah al- dan 'Umayrah, Shihāb al-Dīn Aḥmad al-Barlisī (t.t.), *Ḥāshiyatān Qalyūbī wa 'Umayrah*, j. 3, T.P: Dār al-Fikr.
- Ramlī, Muḥammad bin Abī al-'Abbās al- (1967), *Nihāyat al-Muḥtāj Ilā Sharḥ al-Minhāj*, j. 5. Kaherah: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlāduh.
- Ṣan'ānī, Muḥammad bin Ismā'īl al- (2005), *Subul al-Salām Sharḥ Bulūgh al-Marām min Jam' Adillat al-Aḥkām*, j. 3. Kaherah: Maktabat al-Ṣafā.
- Sanhūrī, 'Abd al-Razzāq al- (t.t.), *al-Wasīṭ fī Sharḥ al-Qānūn al-Madanī*, j. 2. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī.
- Shawkānī, Muḥammad bin Ismā'īl bin Muḥammad al- (1999), *Nayl al-Awṭār*, j. 5. al-Manṣūrah: Maktabat al-Īmān.
- Suyūṭī, Jalāl al-Dīn 'Abd Raḥmān al- (t.t.), *al-Ashbāh wa al-Nazā'ir*. T.P.: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah.
- Wahhāb, Abī Muḥammad, 'Abd al- (1998), *al-Ma'ūnah 'alā Madhhab 'Ālim al-Madīnah*, j. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Zayli'ī, Abī Muḥammad 'Abd Allāh bin Yūsuf al- (t.t.), *Naṣb al-Rāyah li Aḥādīth al-Hidāyah*, j. 4. Dār al-Ḥāfiẓ.

